

MASZLEE MALIK | HAMIDAH MAT

SIASAH MADANI





Lib
RM4

SIASAH MADANI

Dr. Maszlee Malik
Dr. Hamidah Mat




PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YATASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



SIASAH MADANI

Dr. Maszlee Malik
Dr. Hamidah Mat

PUSTAKA PERDANA



1013504

KAWANDANET
Selangor
2023



SIASAH MADANI

Hak Cipta Terpelihara@Maszlee Malik
Hak Cipta Terpelihara@Hamidah Mat
Hak Cipta Penerbitan @ KAWANDANET Sdn Bhd, 2023

Cetakan Pertama, 2023

Penerbit:
KAWANDANET Sdn Bhd (1446628-H)
No. 3, Jalan Seri Tasik Timur 8D,
Perdana Lakeview East,
63100 Cyberjaya, Selangor.

Diurus terbit oleh:
IB MEDIA PLT (LLP0001499-LGN)
No. 94(G), Jalan Nilai Square 3, Nilai Square,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Emel: kawandanet@gmail.com
Facebook: www.facebook.com/kedaidrmaszlee
Website: www.kedaidrmaszlee.com
Whatsapp: +6010-9545090

Hak Cipta Terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hakcipta terlebih dahulu.

Dicetak oleh:
Vinlin Press Sdn. Bhd.
Industrial Park 2 Jalan Meranti Permai 1,
Batu 15, Taman Meranti Permai, 47100 Puchong, Selangor

ISI KANDUNGAN

MUKADIMAH	vi
PROLOG	xiv
Bab 1 Politik dan agama, Antara Islam dan Sekularisme	24
Bab 2 Salah guna Agama Dalam Ruang Politik	38
Bab 3 Politik Adalah Ruang Ijtihad (Faraghaat)	47
Bab 4 Tatakelola Kerajaan Yang Baik (Good Governance)	64
Bab 5 Teras Tatakelola Yang Baik	74
Bab 6 Siasah Demokrasi Berparlimen di Malaysia	108
Bab 7 Pendidikan dan Siasah Madani	122
Bab 8 Tauhid Teras Pendidikan	130
Bab 9 Merakytakan Zakat	142
Bab 10 Modal Sosial dan Kemiskinan	156
Bab 11 Aspek Ketamadunan Daripada Hadis-Hadis Nabawi	170
Bab 12 Fiqh Taysir dan Siasah Madani	180
Bab 13 Ihsan Asas Siasah Madani	186
Bab 14 OKU dan Siasah Madani	190
Bab 15 Hak Haiwan dan Siasah Madani	196
Bab 16 Agamawan dan Siasah Madani	202
Bab 17 Siasah Madani dan Politik Warga	208
Bab 18 Moral dan Siasah Madani	218
Bab 19 Kronisme dan Islam	226
Bab 20 Kafir Zimmi dan Harbi di Malaysia	232
Bab 21 Tempoh Kepimpinan	240
Bab 22 Nilai Suara Majoriti dalam Politik Islam	244
Bab 23 Negara Islam atau Negara Madani	250
Bab 24 Mengambil Pengajaran dan Mencontohi Sistem Politik Barat	258
Bab 25 Perubahan dalam Politik	264
Bab 26 Kerelevenan Takrifan Negara Islam dan Negara Kafir Harbi	280
EPILOG	288

MUKADIMAH



Politik atau siasah merupakan sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia. Semenjak masyarakat dunia yang awal terbentuk, mereka mengamalkan politik walaupun dengan cara yang primitif. Pelantikan ketua, mendengar cakap ketua dan patuh kepadanya, perbincangan untuk membuat keputusan, melawan ketua ketika tidak bersetuju, serta segala ritual yang berkaitan dengan perkara seumpamanya merupakan aktiviti politik dalam tamadun awal manusia (Keane, 2009).

Selari dengan perkembangan akal manusia dan juga pembangunan tamadun serta peradaban, politik menjadi salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia di dunia. Apa yang pasti, politik tidak hanya menjadi amalan bertamadun semata-mata, malah telah muncul sebagai satu disiplin ilmu yang tersendiri. Setiap tamadun mempunyai corak politik, sistem dan juga disiplin serta pengamalan politik yang tersendiri. Malah, dalam sesebuah tamadun itu sendiri terdapat pengamalan politik yang berbeza dari segi falsafah, sistem dan pengamalannya kerana perbezaan zaman dan generasi (Finer, 1999).

Lantaran hubungan rapat antara politik dan kehidupan manusia, maka Islam sebagai wahyu terakhir kepada manusia sejagat seperti yang diimani oleh kaum Muslimin tidak mengeneppikan persoalan politik daripada kerangka syariat yang luas (al-Qaradawi, 1977). Malah, Nabi Muhammad SAW sendiri telah terlibat secara langsung dengan politik sebagai pemerintah 'negara kota' (*city state*) Madinah, dan mendidik para sahabat baginda menjadi aktor politik yang aktif.

Tidak keterlaluan, jika diteliti kebanyakan nilai yang dibawa oleh Islam dan juga hukum-hukum yang diturunkan ke atas umat Islam mempunyai makna politik. Unsur keadilan, proses penegakan keadilan, usaha membawa perbaikan yang berterusan, *amar makruf nahi munkar*, nasihat kepada pemimpin, usaha ke atas kecemerlangan kekuasaan dan juga dinamika sosial begitu ketara dalam ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW. Maka tidak hairanlah jika Imam al-Ghazali (Bakar, 2006:205, 222) menyebutkan bahawa ilmu politik sebaris dengan ilmu akhlak sebagai 'ilmu yang terpenting' dalam kehidupan manusia.

Al-Mawardi (1995:1) ketika membicarakan perihal kepentingan politik telah menyinggung bahawa tugas 'politik' dan kekuasaan adalah untuk menyambung tugas para Nabi, iaitu 'menjaga hal ehwal dunia dan agama'. Melalui ungkapan tersebut, beliau menyentuh satu peranan penting politik dalam kehidupan manusia, iaitu kekuasaan. Peranan kuasa amat penting demi menjamin kelangsungan hidup manusia yang harmoni dan pertahanan terhadap agama serta penyebarannya (Ghalyun & al-Ewwa, 2006).

Pada masa yang sama, agama juga, seperti yang telah dikatakan oleh Ibn al-Muqaffa' ketika menasihati khalifah Abasiyah dalam karya-karya beliau (*al-Adab al-Kabir*, *al-Adab al-Saghir* dan juga *Rasail al-Ikhwan*) adalah unsur yang dapat menjamin kedamaian, keharmonian, sekaligus menjadi elemen untuk mengekalkan ketaatan rakyat kepada penguasa. Maka tidak hairanlah hatta Macheavelli pun menekankan kepentingan agama demi mengekalkan kekuasaan seseorang pemerintah.

Seorang Muslim yang benar-benar memahami peranannya sebagai seorang Khalifah adalah seorang *Homo-Islamicus* (manusia Islam). Manusia Islam menjalani kehidupannya bertunjangkan

paksi Tauhid. Hidupnya dan matinya adalah berdasarkan panduan Tauhid yang menyediakan kerangka 'kehambaan' kepada Allah sebagai landasan hidupnya (Faruqi, 1989).

Menurut ajaran Islam, seorang Homo-Islamicus menyadari bahawa dia adalah makhluk, diciptakan Allah sebagai khalifah dengan misi menjayakan dua objektif utama kehidupannya, iaitu mengabdikan diri kepada Allah (Ibadah) dengan mengikuti suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya serta melakukan imarah, iaitu memakmurkan dan membangunkan dunia ini serta mengelakkan kemusnahan terhadapnya. Di atas misi inilah, menurut Islam, para Nabi dan Rasul diutuskan kepada manusia agar sentiasa diperingatkan mengenai tugas mereka.

Seorang Homo-Islamicus secara semulajadinya merupakan seorang warga politik. Mereka dilahirkan untuk menjayakan misi keadilan, keamanan dan juga mengislahkan muka bumi ini (Umar, 1992: 3-41). Tugas tersebut bukanlah satu pilihan, tetapi satu kewajipan demi menjayakan konsep "Khalifah" melalui dua tugas utama, Ibadah dan Ijarah. Maka, dalam dalil-dalil ditekankan konsep penegakan keadilan, penentangan kezaliman dan penzalim, pengorbanan, keadilan ekonomi, memperjuangkan golongan yang ditindas, menegur dan meruntuhkan tirani, memberikan hak yang adil dan saksama, menyebarkan kebaikan, menghindari kejahatan dan kemusnahan, dan pelbagai mekanisme yang membawa kepada maksud *human well-being* (Kesempurnaan kehidupan manusia). Ungkapan Islami dalam Bahasa Arabnya pula berbunyi *jalb al-masalih fi hayat al-naas wa dar al-mafasid minha*. Pendek kata, hubungan seorang individu Muslim dengan Tuhannya adalah bergantung kepada sejauh mana hubungan beliau dengan makhluk yang lain juga (Ramadan, 2005; 60-158).

Inilah yang dinamakan kerangka “Madani” yang disebutkan oleh para pemikir dan ulama Islam sedari dahulu seperti Ibn Khaldun dan juga al-Farabi. Sifat *madaniyyah* ataupun *civility* merupakan tonggak utama dalam berpolitik bagi umat Islam. Tambahan pula, wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk diamalkan oleh umat Islam menggariskan sikap *madaniyyah* sebagai teras kepada umat Islam untuk berpolitik. Menarik pula, pendekatan terkini kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri kesepuluh, DS Anwar Ibrahim juga giat mempromosikan dan membumikan konsep “Madani” ataupun Malaysia Madani sebagai pemangkin kepada kebangkitan semula Malaysia. Malaysia MADANI adalah sebuah kerangka visi baru buat negara, suatu ikhtiar yang bersepadu dan holistik, bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.

Malaysia MADANI mewakili **enam rukun** iaitu M (keMampanan), A (kesejAhteraan), D (Daya cipta), A (hormAT), N (keyakiNan) dan I (Ihsan) yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera.

Buku ini merupakan satu pandangan luar kotak yang cuba membincangkan idea-idea yang membentuk Malaysia Madani. Buku ini cuba untuk membawa umat Islam di Malaysia melihat isu politik dan Islam melalui ruang yang lebih segar dan luas berdasarkan kerangka wahyu dan ketamadunan. Keterikatan dengan pentafsiran politik yang sempit mahupun keterikatan semata-mata dengan pandangan fiqh konvensional ataupun pendekatan reaksi para Islamis akan menjadi umat Islam kontemporari tidak dapat melihat keindahan Islam sebagai petunjuk sepanjang jalan kehidupan. Berbanding pendekatan *deontological* atau menerima dengan pasrah tanpa melihat syariat Islam dalam kerangka yang lebih luas

terkadang menjadikan Islam itu tidak cocok dan dilihat canggung apabila berhadapan dengan realiti yang baru serta berbeza dengan apa yang telah dibicarakan oleh fuqaha silam ataupun para reformis dan Islamis di kurun yang lalu.

Buku ini dihasilkan untuk memberikan lontaran idea baru mengenai pemikiran politik Islam berteraskan pandangan sarwa Islam yang diwarnakan ke atas realiti semasa dan juga berpaksikan kerangka Madani. Penulis sedar akan kewujudan banyak literasi berkaitan sistem politik Islam, pemikiran politik Islam dan juga lain-lain subjek yang berkait dengannya. Kebanyakan daripada literasi-literasi tersebut sama ada dicorakkan oleh kerangka legalistik hukum (fiqhi), ataupun perbincangan perihal institusi-institusi klasik yang pernah diamalkan pada zaman lampau oleh kaum Muslimin, ataupun lebih kepada retorika fikrah yang mencerminkan reaksi kaum Muslim kontemporari terhadap suasana politik umat Islam pasca-kejatuhan Khilafah Uthmaniyah.

Berbeza dengan kebanyakan penulisan-penulisan tersebut, pendekatan penulis dalam buku ini lebih melihat kepada ruang politik kontemporari Madani (civilized) yang sebenarnya mempunyai ruang untuk diharmonikan dengan pandangan sarwa Islam. Falsafah Tauhid yang menjadi teras kepada pandangan sarwa ini merupakan tonggak kepada epistemologi dan pendekatan yang diguna pakai dalam buku ini. Kebanyakan penulisan dalam buku ini merupakan himpunan kertas-kertas kerja yang pernah penulis bentangkan berkaitan dengan Siasah Syar'iyah dan juga tatalaksana kerajaan yang baik dari sudut pandang Islam sebelum keterlibatan penulis utama (Dr. Maszlee Malik) di semesta politik.

Seperti yang telah diungkapkan sebelum ini, penulisan dalam buku ini tidak terikat dengan kerangka legalistik hukum atau fiqhi,

maka dalam perbincangannya amat nadir perbahasan hukum hakam disebutkan. Idea-idea yang dilontarkan adalah lebih berupa konsep dan prinsip berteraskan kerangka Tauhidik dan Maqasidik. Apa yang menarik ialah, pengalaman penulis utama berkecimpung dalam bidang politik turut melatari idea-idea yang diwacanakan. Sungguh, pengalaman tersebut menjadi penguat kepada hakikat realiti politik dalam negara yang cuba dizahirkan dalam buku ini. Tambahan lontaran fikrah dan elemen Maqasid oleh penulis kedua, Dr. Hamidah Mat menambahkan lagi seri kepada penulisan buku ini agar ia tidak lari dari lembayung pendekatan “Maqasid al-Syariah”.

Buku ini mengandungi dua puluh enam bab. Setiap bab akan membicarakan persoalan-persoalan berkaitan siasah syar’iyyah, siasah atau politik Madani dan juga cara ia dapat diharmonikan dengan realiti. Maka, antara ruang-ruang yang akan cuba diterokai dalam buku ini termasuklah isu demokrasi, politik warga madani, tatakelola kerajaan yang baik, pendidikan, sistem demokrasi berparlimen di Malaysia, ekonomi, modal sosial dan juga zakat. Setiap ruang akan diterokai mengenai ruang lingkupnya dan lompang-lompang untuk Siasah Syar’iyyah dilaksanakan berteraskan konsep Tauhidik dan Maqasidik. Perbezaan yang akan didapati oleh para pembaca dalam pendekatan buku ini ialah, setiap tajuk yang diperbincangkan akan lebih menekankan isu konsep dan pengaplikasiannya tanpa menyentuh isu legalistik ataupun fiqh.

Karya ini bukanlah koleksi hukum-hakam berkaitan politik, mahupun buku berkaitan falsafah politik. Ia juga bukanlah perbincangan mengenai institusi-institusi silam yang pernah wujud dalam pemerintahan umat Islam dan diabadikan dalam lembaran kitab-kitab fiqh berkaitan Syariah, lantas disangkakan sebagai sesuatu yang normatif dan wajib dihidupkan semula agar pengamalan politik umat Islam menjadi ‘Islamik’. Justeru,

melalui coretan ini, penulis-penulis ingin membawa pembaca untuk memakai kaca mata yang sama demi menilai realiti politik berdasarkan pandangan sarwa syariah dan kerangka ketamadunan (civility) ataupun Madani.

Akhir kata, memandangkan buku ini berkaitan dengan topik Siasah Syar'iyah dan penulis sering mengungkapkan pendekatan Madani, bukanlah tujuan penulis untuk memonopoli kedua-dua istilah Siasah Syar'iyah dan Madani. Bagi penulis, setiap orang itu berhak meletakkan kategori mereka sendiri berdasarkan piawaian yang mereka yakini sebagai makna Siasah Syar'iyah dan juga ketamadunan atau Madani. Bezanya, hanya cetusan ide penulis-penulis dalam buku ini yang akan membawa pembaca melihat isu politik dan kaitannya dengan Islam dari kaca mata yang lebih progresif, dinamik dan tidak konvensional berdasarkan epistemologi dan pandangan sarwa Islam. Harapan penulis-penulis agar idea yang dilontarkan ini dapat dibicarakan, diwacanakan dan juga diperdebatkan demi mendapatkan pendapat yang lebih tuntas demi maslahat umat Islam dan masa depan agama Islam itu sendiri.

Salam Hormat,

MASZLEE & HAMIDAH,

Cyberjaya,

2 Mac 2023.

Prolog

ISLAM DAN POLITIK: ANTARA FIQH DAN SISTEM

Istilah fiqh secara asasnya merujuk kepada kesimpulan hukum yang didapati daripada kefahaman terhadap dalil-dalil yang menjadi sumber hukum itu sendiri. Dari sudut epistemologi, politik memberikan warna yang berbeza. Maknanya, berbeza dengan orientasi fiqh yang melihat isu politik daripada kerangka hukum (*legalistic framework*) dan juga penghasilan hukum secara deduktif, kerangka epistemologi sebaliknya lebih melihat kepada isu-isu substantif dan juga ruang “nilai” pada politik itu sendiri. Hukum-hukum adalah sesuatu yang bersikap mikro berbanding dengan ruang epistemologi yang akan lebih menyentuh isu dasar dan falsafah yang mendasari politik itu sendiri. Maka bentuk Siasah Syar’iyyah menjadi dasar utama kepada penilaian keislaman sesuatu ruang berpolitik yang akan berpijak kepada unsur-unsur nilai, falsafah dan juga epistemologinya. Inilah yang dinamakan sebagai siasah madani.

Hal seumpama ini pernah disinggung oleh pemikir Islam dari Pakistan, Maulana Iqbal bila mana beliau membicarakan tentang perbezaan antara dimensi *church-state* (gereja-negara) dengan Islam dan politik. Jika menurut pengalaman Eropah, ruang *church-state* lebih merupakan ruang penguasaan institusi kegerejaan yang dianggotai oleh para paderi ke atas negara dan juga atas nama Tuhan, namun hal yang sedemikian tidak wujud dalam Islam. Malah ia merupakan sesuatu yang asing dalam pemahaman hubungan antara politik dan Islam. Sejarah Islam sentiasa menyaksikan pemisahan antara institusi agama dengan institusi politik. Adakalanya hubungan antara kedua-keduanya harmoni dan ada waktunya menjadi tegang dan berantakan.



Berkenaan fiqh pula, para ulama pada zaman moden ini memerlukan mereka untuk melihat fiqh klasik berkaitan politik yang merupakan ijtihad para fuqaha silam pada zaman tersebut berdasarkan tuntutan zaman mereka. Maka ijtihad-ijtihad tersebut hendaklah disikapi dengan mengambil iktibar daripada metode istinbat mengeluarkan hukum dan keupayaan ulama silam berinteraksi dengan konteks sehingga terhasilnya hukum-hakam berkenaan. Perlu diingat selalu, ijtihad-ijtihad dalam politik merupakan sesuatu yang bersikap relatif dan bersifat percubaan berterusan sepanjang zaman.

Sebagai contoh, guru al-Ghazali, Imam al-Haramayn al-Juwayni telah mengkritik karya terkenal berkaitan politik Islam hasil penulisan ulama sebelum beliau, yang juga merupakan seorang tokoh mazhab Shafie, al-Mawardi, iaitu buku *al-Ahkam al-Sultaniyah*. Karya tersebut, dakwa al-Ghazali, telah menekankan perkara-perkara yang *zanni* (tidak muktamad) sebagai satu ketetapan agama. Beliau juga mengkritik Imam al-Mawardi yang telah menggunakan dalil-dalil yang lemah untuk menyokong kerangka pentadbiran Abasiyah seolah-olah institusi pemerintahan tersebut merupakan satu-satunya model Islam untuk pemerintahan, sedangkan persoalan pemerintahan dan pentadbiran merupakan isu ijtihad.

Hakikatnya, kebanyakan penulisan dan penghasilan karya silam dicorakkan oleh suasana zaman dan juga keadaan setempat. Jika diteliti secara kritikal, hatta penulisan para ulama pada zaman Umayyah berbeza dengan Abasiyah, penulisan pada zaman Abasiyah juga berbeza dengan zaman Uthmaniyah, Andalusia dan juga zaman moden. Faktor setempat juga agak nampak ketara dalam mencorakkan perbincangan dan penghasilan ijtihad mazhab. Literasi-literasi klasik di Andalusia tidak membincangkan perkara-perkara dalam *Fataawaa Hindiyyah*, *Majalah Ahkam al-*

'Adliyyah tidak serupa dengan perbincangan kitab-kitab Jawi di Nusantara, begitulah seterusnya. Justeru, perbezaan antara fiqh dan syariah perlu menjadi kayu aras dalam meneliti ijthad-ijthad politik yang terkandung dalam khazanah fiqh silam. Syariah yang merujuk kepada prinsip-prinsip asas Islam bersifat tetap dan tidak berubah, manakala fiqh yang merupakan hasil ijthad para ulama, bersifat anjal, berubah mengikut keperluan semasa dan setempat.

Perlu difahami bahawa walaupun politik adalah sebahagian daripada syariah Islam, tetapi ia terletak dalam bidang muamalat dan bukannya aqidah ataupun ibadat. Maka, dalam menyikapi isu muamalat, kaedah yang disepakati oleh para fuqaha bahawa hukum asal sesuatu perbuatan adalah harus (*Ibahat al-Asliyah*) perlulah menjadi panduan utama. Maka, berdasarkan kaedah ini dapat disimpulkan bahawa, hukum asal bagi segala aktiviti politik ialah harus kecuali ada dalil yang mengharamkannya.

Al-Qaradawi menyifatkan isu politik termasuk dalam ruang ijthad yang amat luas bagi para Muslim menghasilkan pendapat-pendapat yang baru berpandukan Maqasid al-Syariah. Sungguhpun demikian, beliau menolak sikap golongan yang terlalu mengambil mudah dengan sikap bahawa politik itu adalah perkara cabang (*furu'*), lantas mereka mengabaikan peranan Islam dalam politik. Beliau menyifatkan bahawa dalam isu-isu politik, syariat Islam menjadi tonggak agar manusia mencapai *maslahat* (kepentingan) umum dan Maqasid al-Syariah melalui kegiatan politik yang menjadi tema utama syariat Islam itu sendiri. Maka, beliau tidak menolak sumbangan para ulama terdahulu melalui literasi-literasi sebagai panduan membina ijthad politik pada masa kini. Malah menurut al-Qaradawi, ijthad dalam politik memerlukan kepada input kontemporari dengan meraikan faktor konteks, tempat, masa, budaya dan perbezaan akal manusia.

Matlamat utama bagi ijtihad politik seperti yang disebutkan oleh majoriti ulama yang membicarakan isu politik adalah untuk mencapai dan melaksanakan “keadilan sejagat.” Ini selaras dengan ungkapan Imam Ibn al-Qayyim bahawa: “Sesungguhnya syariah Islam itu sebuah binaan dan asasnya adalah segala hikmah dan kebaikan untuk manusia di dunia dan akhirat. Syariah Islam itu segalanya keadilan, kebaikan dan hikmat. Maka setiap perkara yang terkeluar daripada keadilan kepada kezaliman, daripada rahmat kepada yang berlawanan dengannya, daripada kebaikan kepada kerosakan, daripada hikmat kepada sia-sia maka ia bukan syariah Islam sekalipun diberikan takwilan untuknya.”

Pelaksanaan keseluruhan isi kandungan Maqasid (*daruriyaat*, *hajiyaat* dan *tahsiniyaat*) melalui bidang politik, sama ada dalam pentadbiran, pemerintahan mahupun penglibatan politik, partisan atau *non-partisan*, akan menjadi kayu ukur keislaman sesuatu model atau sistem politik tersebut. Bolehlah disimpulkan melalui pelaksanaan keseluruhan konsep Maqasid itu sebagai usaha membawa *well-being* (kesempurnaan hidup) rakyat. Jika Maqasid al-Syariah menjadi matlamat untuk menterjemahkan *well-being* dalam kehidupan dunia melalui proses politik, maka ia bukan lagi satu mekanisme semata-mata, malah ia merupakan wasilah dan matlamat sekaligus.

Melalui konsep berpolitik berteraskan dan berinspirasi Maqasid, maka usaha melaksanakan Maqasid itu boleh dianggap sebagai wasilah untuk mencapai Maqasid itu sendiri. Maka, di peringkat pemerintah Muslim, mereka mestilah memastikan segala polisi yang mereka lakarkan dan laksanakan menepati Maqasid al-Syariah agar pemerintahan mereka terus berada dalam kerangka Tauhid.

Bertolak daripada premis ini, maka gerak kerja untuk perubahan yang dilakukan oleh kaum Muslim melalui kaca mata Islam bukan hanya sekadar melaksanakan tanggungjawab atas suruhan agama, malah ia merupakan misi untuk menerapkan nilai-nilai dan usaha mencapai keadilan menyeluruh bagi individu, masyarakat dan alam sekitar. Oleh yang demikian, proses penglibatan politik oleh seorang Muslim yang sedar akan tanggungjawabnya untuk mencapai Maqasid akan menjadi manifestasi kepada *rahmatan lil 'alamin* (rahmat kepada sekalian alam).

Pemahaman secara literal atau *harfi* terhadap teks-teks klasik berkaitan politik amat merbahaya. Para pemimpin akan menjadi begitu maksum, tidak boleh diusik dan tidak akan tunduk kepada kedaulatan undang-undang. Meletakkan para pemimpin pada tahap tersebut hanya akan menjadikan mereka berada di atas undang-undang dan membawa konotasi kesyirikan dengan menyamakan mereka pada tahap ketuhanan.

Konsep keluhuran undang-undang (rule of law) perlulah difahami dengan baik. Pesanan Saidina Abu Bakar RA di awal pelantikan beliau sebagai khalifah agar rakyat bersamanya di waktu kebenaran dan mengingkarinya di waktu kebatilan merupakan satu dasar kedaulatan undang-undang yang difahami beliau lewat ruh syariah.

Perkara yang sama diulangi oleh Saidina Umar RA dengan nada yang lebih tegas. Beliau menyarankan agar dirinya diluruskan dengan kekerasan jika beliau menyimpang daripada kebenaran, kesemuanya atas dasar kedaulatan undang-undang. Penulis dan pemikir, Profesor Dr. Ali Muhamamd al-Shalabi, ketika memberikan komentar kepada ketegasan Saidina Umar RA, menekankan bahawa perluasan demografi yang diwarnai dengan kepelbagaian budaya dan tahap intelektualisme

telah memaksa Saidina Umar RA untuk bersikap tegas demi kesejahteraan rakyat. Contoh yang lebih ketara ialah kesediaan Saidina Ali RA untuk dihadapkan kepada Qadhi Syuraih, iaitu hakim di zaman pemerintahan beliau, dalam kes berhubung baju besi warga Yahudi. Hal ini semua perlu difahami secara objektif dan 'illahnya (sebab atau *raison de' etre* sesuatu hukum).

Mungkin ada yang bertanya, bagaimana pula dengan pesanan-pesanan Rasulullah SAW mengenai kewajipan mentaati para pemimpin ketika senang dan susah, serta tidak bangkit menentang mereka walaupun para pemimpin melakukan maksiat dan kejahatan. Begitu juga komentar para ulama *salaf al-soleh*, terutamanya Imam Ahmad yang melarang umat Islam daripada menentang khalifah pada zamannya yang memaksa rakyat agar menganut fahaman teologi Muktazilah dan menyiksa sesiapa yang enggan.

Ramai juga yang membawakan dalil-dalil yang sarat mengenai wajib bersabar atas kekejaman pemimpin walaupun mereka teramat zalim. Apakah ini semua merupakan sesuatu arahan 'agama' dan bersifat *qat'iy* (putus) ataupun sekadar ijihad, dan juga teks-teks yang bersifat kontekstual oleh para ulama pada zaman tersebut?

Berhubung hal ini, kita perlu jelas untuk membezakan dalil yang bersifat politik dan dalil yang bersifat keagamaan. Mungkin dasar yang diberikan oleh salah seorang ulama besar mazhab Shafie dan juga guru kepada Imam al-Ghazali, iaitu Imam al-Haramayn al-Juwayni dalam karyanya *al-Ghiyathi* boleh menjadi mercu tanda dalam menyikapi persoalan-persoalan seumpama ini.

Imam al-Juwayni menegaskan bahawa persoalan-persoalan politik merupakan ruang ijihad yang amat luas dan teramat

sedikit isu-isu yang diperjelaskan oleh dalil yang *qat'iy*. Imam al-Juwayni telah menegaskan dasar tersebut ketika membidas Imam al-Mawardi yang telah menyapu rata penggunaan dalil yang kuat dan yang lemah untuk membina tesis beliau mengenai sistem politik Islam. Imam al-Juwayni menegur metode Imam al-Mawardi yang beliau sifatkan sebagai “mewajibkan perkara-perkara yang tidak wajib”.

Perkara yang sama di sini berhubung dalil-dalil mengenai had kuasa para pemerintah. Dalam sistem yang memberikan ruang pemisahan terhadap kuasa-kuasa yang ada (legislatif, eksekutif dan kehakiman) para pemimpin diikat oleh prinsip perundangan. Malah jika diamati, sepanjang sejarah Islam, Islam telah membuka ruang kepada satu lagi kuasa dalam bentuk institusi, iaitu kuasa masyarakat sivil melalui institusi wakaf yang diterajui oleh para ulama. Institusi wakaf telah menjadi satu ruang terlarang bagi para pemimpin dan bagi dawlah untuk mencampuri agama, harta dan kuasa masyarakat sivil.

Imam Shafie merupakan pelopor ruang ini apabila beliau telah menggariskan pemisahan antara kuasa dawlah dengan kuasa agama lewat penulisan kitab *al-Risalah*. Dalam karya agung tersebut beliau telah meletakkan syarat-syarat bagi para mujtahid yang mempunyai ruang autonomi berhubung isu agama dan terpisah daripada dawlah. Maknanya, beliau menegaskan bahawa hanya para ulama Mujtahid sahaja berhak mengeluarkan ijtihad dan fatwa berkaitan isu-isu agama kerana mereka memenuhi syarat-syarat sebagai Mujtahid. Manakala, para pemerintah tidak boleh masuk campur urusan agama yang merupakan ruang dan bidang para ulama. Buku tersebut telah membawa kepada tertubuhnya insititusi wakaf (badan agama tertinggi di dalam pemerintahan Islam) yang terpisah

daripada kuasa istana dan membolehkan para ulama mempunyai autonomi mereka sendiri dalam hal ehwal keagamaan dan juga menerajui rakyat dalam proses *check and balance* kepada kuasa pemerintah pada zaman tersebut.

Pada zaman moden ini, umat Islam semakin bersyukur terhadap sistem politik demokrasi yang telah memberikan mekanisme yang lebih utuh untuk mengawal kezaliman dan kerakusan para tirani. Ruang *check and balance* melalui konsep kedaulatan undang-undang, pemisahan kuasa dan juga penglibatan politik warga merupakan rahmat bagi umat Islam agar tidak terjerumus ke lembah pertumpahan darah yang pernah dirakamkan dalam sejarah umat Islam.

Ruang yang lebih bertamadun ini tidak patut ditolak oleh umat Islam memandangkan ia merupakan satu hasil ijtihad berdasarkan pengalaman manusia itu sendiri. Mungkin yang perlu diubah ialah nuansa atau *world view* mengenai proses politik itu sendiri. Jika yang ingin dicapai oleh sistem demokrasi berparlimen seperti yang diamalkan di tanah air ialah kebebasan individu, Islam pula menjadikan prinsip Tauhid sebagai dasarnya. Melalui prinsip Tauhid juga manusia dilihat sebagai hamba kepada Tuhan dan mempunyai nilai yang sama rata terhadap sesama sendiri dan berperanan melaksanakan misi yang telah diberikan kepada mereka sebagai khalifah dengan menegakkan syariah Allah SWT demi menjamin kebahagiaan kehidupan manusia berdasarkan pemahaman Maqasid al-Syariah.



Bab Satu

POLITIK DAN AGAMA, ANTARA ISLAM DAN SEKULARISME

Dalam menyikapi arus modernisasi, umat Islam terpaksa memilih salah satu daripada tiga jalan. Jalan yang pertama ialah menjadi pengikut yang bertaklid buta dengan arus modernisasi dan pembaratan. Maka, berbanggalah si pengikut ini dengan imej pinjaman mereka yang dianggap sebagai pilihan universal, pilihan yang menaikkan darjat dan sekaligus memandang rendah dan hina kepada apa yang mereka miliki. Bagi golongan yang memiliki apa yang disebut sebagai minda tertawan (*captive mentality*) ini, Barat merupakan kiblat manusia kontemporari. Segala dari Barat adalah kemuncak ketamadunan manusia, ibarat pengistilahan Fukuyama kepada kejayaan nilai-nilai liberal ke atas penduduk dunia lewat keruntuhan Empayar Soviet Rusia, *The End of History* (Fukuyama, 1992).

Pada sudut ekstrim yang lain pula, wujud sekumpulan manusia yang merasakan bahawa apa yang mereka miliki itu adalah kebenaran yang mutlak tanpa melihat sudut yang baik pada manusia lain. Bagi mereka, bukan sekadar apa yang mereka miliki, tetapi juga apa yang mereka fahami, apa yang mereka tafsirkan, dan apa yang mereka istilahkan itu sahaja yang benar. Maka mereka memandang sinis terhadap apa yang dibawa oleh Barat dan juga daripada mereka yang bukan Barat, tetapi tidak sehaluan dengan mereka, ataupun tidak sependapat dengan mereka. Akhirnya segala yang baik daripada orang lain tidak mereka hargai dan ditolak tepi. Menariknya pula, dari segi mekanisme yang kosong dari erti nilai dan falsafah sanggup pula mereka terima, sebagai contoh teknologi, tanpa melihat apa di sebalik mekanisme tersebut.



Antara dua ekstrim ini, wujud golongan ketiga, ataupun golongan pertengahan yang melihat Islam dalam kerangkanya yang luas, rasional serta progresif dan dinamik. Selari dengan sikap para ulama terdahulu di zaman Abasiyah yang berhadapan dengan arus falsafah Greek yang menggila, para ulama pada zaman tersebut tidak menolaknya secara *total*. Mungkin sahaja ada antara ulama terdahulu yang menentang ruang teologi yang difalsafahkan, tetapi ilmu-ilmu dan khazanah lain dari Greek dan Rom tidak mereka tolak secara pukul. Malah, mereka saringinya berdasarkan syariat Islam dan juga berdasarkan kesedaran ontologi yang berterusan (ontologi ialah cabang falsafah yang mengkaji konsep seperti kewujudan dan realiti). Maka tercetuslah apa yang dinamakan sebagai revolusi ilmu dan sains pada zaman kegemilangan Islam sewaktu pemerintahan Abasiyah. Hasilnya, banyak ilmu-ilmu alat yang terhasil daripada simbiosis antara kerangka serta metode falsafah dan wahyu.

Mungkin pendirian Imam al-Harith al-Muhasibi dalam debatnya dengan Imam Ahmad bin Hanbal mengenai sikap yang patut diambil oleh umat Islam dalam mendepani arus falsafah Greek perlu diberikan perhatian. Imam al-Muhasibi, sebagai ulama Sunni yang terkenal pada zaman itu telah mengambil sikap berlainan daripada Imam Ahmad yang mengambil sikap literal dan menolak falsafah secara langsung. Sikap Imam al-Muhasibi inilah yang kemudiannya diambil oleh majoriti ulama selepasnya sehingga terhasillah apa yang dikenali sebagai ilmu kalam, iaitu ilmu teologi Islam yang menjadikan metode falsafah sebagai dasar perbincangan mengenai isu-isu ketuhanan (al-Akiti dan Hellyer, 2010: 124-5). Bagi golongan ini, apa yang datang daripada pihak lain harus diteliti, disikapi dengan berhati-hati dan dinilai melalui kerangka ajaran Islam yang menyeluruh dan bukan hanya sekadar daripada neraca fiqh semata-mata.

Hasilnya, apa yang baik daripada pihak lain itu diambil dan apa yang buruk itu dikritik berdasarkan premis epistemologi 'yang lain' itu sendiri dan diberikan alternatif kepadanya melalui proses *tarjih* (pemilihan pendapat yang lebih kuat) dan juga *convergence* (pengharmonian).

Walau bagaimanapun apa yang penting ialah sikap umat Islam dalam menyikapi realiti dan menjadikan realiti itu berada dalam kerangka epistemologi Islam. Proses produksi ilmu dan disiplin-disiplin dalam kerangka realiti semasa bukanlah sesuatu yang baru dalam dunia keilmuan dan peradaban Islam. Kemunculan ilmu-ilmu klasik seperti nahwu Arab, ilmu linguistik, falsafah, ilmu politik Islam sehinggalah kepada ilmu perubatan merupakan produk daripada pendekatan simbiosis seperti ini oleh para ulama klasik pada zaman Abasiyah.

Tragedi Eropah

Hanya pada zaman pasca-pencerahan (*enlightenment*) di Eropah, umat Islam seakan tidak lagi menjadi aktor utama dalam usaha menghasilkan disiplin-disiplin keilmuan baru seperti dahulu. Dunia Eropah berdasarkan pandangan dunia *Eurocentrism* (meminjam istilah Edward Said) bersulamkan projek modernisasi telah mewarnai ruang keilmuan di serata dunia (Bennett, 2005: 25; Hamilton, 1992:21-2; Porter, 2001).

Mungkin yang akan terbayang di benak fikiran ramai adalah sains dan teknologi, tetapi lebih parah lagi ialah ilmu-ilmu kemanusiaan seperti ekonomi, perundangan, sains politik, falsafah, sosiologi, sejarah dan lain-lain lagi juga telah dicorakkan menurut pandangan dunia '*Eurocentrism*' (Said, 1978; Roberts, 1985: 194-202; Mann, 1988: 10-15; Habti, 2006: 57). Akhirnya lahirlah dunia baru yang membawa kepada ketuanan Barat.

Masyarakat Barat telah lama mempunyai satu persepsi yang menjadi pandangan sarwa mereka mengenai ketuanan dan kelebihan warga Barat berbanding masyarakat dunia yang lain. Siri-siri penjajahan yang berlaku semenjak zaman Alexander The Great lagi merupakan hasil buah pemikiran ini. Sebagai contohnya fahaman *civitas* yang dianuti oleh warga Greek kuno. Menurut kefahaman tersebut, hanya warga Greek sahaja yang mempunyai gaya hidup yang bertamadun (*virtue*). Penduduk selain daripada warga Greek merupakan *barbarian* yang tidak tahu cara hidup *civitas* yang bertamadun dan berkualiti (Pagden, 2008).

Tidak hairanlah Aristotle seperti juga gurunya Plato beriktikad bahawa terdapat golongan manusia yang memang dilahirkan untuk menjadi 'hamba'. Mereka inilah yang telah menghasilkan idea kelas dalam masyarakat. Hal ini telah dikritik oleh ahli falsafah moden Karl Popper dalam karyanya *The Open Society and Its Enemies* (1945).

Seperti fahaman *civitas*, selepas zaman pencerahan di Eropah sehingga kini, fahaman *Eurocentrism* juga membawa tema yang sama. Fahaman ini membawa gambaran yang telah memberikan tanggungjawab kepada warga Barat yang bertamadun untuk 'membangun'kan warga dunia yang lain (Nandy, 1997; Schech and Haggis, 2000: xii). Fahaman ini jugalah yang diakui oleh tokoh Liberalisme John Locke dan juga tokoh Utilitarian, J.S. Mill. Kedua-dua mereka memberikan justifikasi penjajahan golongan kolonial atas nama 'membangun'kan bangsa lain.

Bhikkhu Parekh, sarjana *Multiculturalism* yang tersohor telah melabelkan fahaman ini sebagai *Liberal Monism* (Parekh, 2006). Fahaman yang melihat diri sendiri sebagai 'yang paling bertamadun' dan orang lain sebagai mundur, *barbarian* dan juga kurang akal nya.

Jika dilihat, dari paradigma *civitas* ini jugalah lahir perkataan *virtue* yang merujuk kepada *the virtue of the Greeks* yang perlu diamalkan oleh 'manusia lain' untuk mereka menjadi bertamadun.

Antara fahaman yang dibawa oleh Barat untuk 'membangun' kan masyarakat dunia yang lain ialah melalui pakej *modernity* yang antara lain menyeru kepada fahaman sekularisme versi positivisme. Fahaman ini antara lain menyeru agar kehidupan ruang umum manusia dipisahkan daripada unsur nilai atau unsur *ghaybiyat* yang diwakili oleh wajah 'agama' (Hamilton, 1992; Porter, 1990). Hal ini amat berkait rapat dengan sejarah gelap Eropah yang menyaksikan penyalahgunaan kuasa atas nama agama (iaitu yang dimonopoli oleh institusi gereja). Rakyat ditindas dan dizalimi oleh pihak penguasa atau pemerintah (istana) dengan usaha sama para agamawan pemimpin gereja atas nama Tuhan.

Campur tangan pemimpin gereja dalam urusan pemerintahan dibentuk pada awalnya pada zaman Maharaja Byzantine yang bernama Constantine telah memberikan mimpi buruk kepada rakyat Eropah selama beberapa kurun. Selepas kejatuhan *Holy Roman Empire*, igauan tersebut bermula dengan begitu dahsyat. Gabungan pemerintahan antara gereja dan istana telah menyaksikan tamadun manusia Barat berada di tahap paling rendah. Rakyat dibahagikan mengikut kelas dan kasta dalam acuan Eropah yang tersendiri.

Golongan 'gereja dan istana' sebagai pemerintah yang mempunyai kuasa 'suci' mewakili Tuhan dengan restu Pope, manakala golongan *Singneore* dan *Land Lords* menjadi penguasa di kawasan masing-masing dengan autonomi tersendiri. Rakyat jelata, sama ada mereka itu petani, hamba, peniaga ataupun tentera merupakan kasta terendah dan menjadi sumber kewangan pihak pemerintah dan penguasa kawasan (Pagden, 2008).



SIASAH MADANI

Buku ini merupakan satu pandangan luar kotak yang cuba membincangkan idea-idea yang membentuk kerangka politik Islam kontemporari untuk Malaysia Madani dengan membawa warga Malaysia melihat isu politik dan Islam melalui ruang yang lebih segar dan luas berdasarkan kerangka wahyu dan ketamadunan. Pemikiran politik Islam yang dibawa di dalam karya ini adalah berteraskan pandangan sarwa Islam yang diwarnakan ke atas realiti semasa dan juga berpaksikan kerangka Madani. Berbanding kebanyakan literasi berkaitan politik Islam lain yang sama ada dicorakkan oleh kerangka legalistik hukum (fiqhi), ataupun perbincangan perihal institusi klasik yang pernah diamalkan pada zaman lampau oleh kaum Muslimin, ataupun lebih kepada retorika fikrah reaksi kaum Muslim kontemporari terhadap suasana politik umat Islam pasca-Khilafah, pendekatan penulis dalam buku ini lebih melihat kepada ruang politik kontemporari Madani (*civilized*) yang lebih inklusif.

kawandanet

Harga RM 40.00

